

Jangan persoalkan calon — **iviatiau iii**

KUALA LUMPUR 7 Jan. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mengingatkan ahli-ahli UMNO supaya tidak mempersoalkan calon yang dipilih oleh parti itu untuk bertanding dalam pilihanraya umum akan datang.

Sebaliknya, kata Presiden UMNO itu, semua ahli UMNO harus merapatkan kembali barisan dan soal siapa calon tidak harus dibangkitkan selepas itu.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi UMNO, di sini.

Dr. Mahathir berkata, mesyuarat kali ini tidak membina-

ngkan secara khusus berhubung senarai calon.

“Kita akan ikut proses biasa iaitu bahagian boleh mencadangkan nama calon dan ia akan dikemukakan kepada Badan Perhubungan dan akhirnya kepada Majlis Tertinggi dan pihak-pihak tertentu.”

“Apabila kita menentukan siapa menjadi calon maka semua pihak perlu merapatkan balik barisan...soal siapa calon tidak harus dibangkitkan selepas itu,” katanya.

Ditanya adakah Majlis Tertinggi telah menetapkan tempoh kepada bahagian-bahagian UMNO menghantar nama ca-

lon. Dr. Mahathir sambil berseoroh berkata, “kita tidak menetapkan tempoh bagi penghantaran nama calon kerana kita tidak tahu bila akan diadakan pilihanraya ini...depa tak bagi tahu lagi.”

Ketika mengulas mengenai peluang Barisan Nasional (BN) di Pulau Pinang, Dr. Mahathir berkata, beliau yakin parti itu boleh menang.

Bagaimanapun, katanya, beliau yakin Ketua Pembangkang Lim Kit Siang akan melakukan ‘tabiat lamanya’ iaitu akan kembali selepas meletakkan jawatan apabila DAP tewas di negeri itu.

DAP telah melancarkan Tanjung (III) dalam usahanya untuk menawan Pulau Pinang pada pilihanraya akan datang selepas dua usaha menerusi Tanjung (I) dan Tanjung (II) tidak mendatangkan hasil.

Kit Siang dilaporkan berkata akan meletakkan jawatan jika projek Tanjung (III) gagal.

“Kita ucap *good luck* (selamat berjaya kepada Kit Siang), bagaimanapun kita jangan lupa perangai lamanya... (Kit Siang) akan letak jawatan bila kalah, tetapi bila kalah letak jawatan sekejap dan ambil semula jawatan itu,” kata Dr. Mahathir lagi.